

SOALAN NO: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]**

TARIKH : 16 JUN 2015 (RABU)

SOALAN:

YB Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan resolusi terbaik dalam memastikan pembangunan bandar dan pinggir bandar mengambil kira perubahan landskap geopolitik, gaya hidup, perubahan demografi, struktur sosial dan pekerjaan termasuk pendapatan dan isu pengangguran terutama dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11).

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar urbanisasi negara telah meningkat daripada 71.7 peratus pada tahun 2011 kepada 73.7 peratus pada tahun 2014 dan dijangka mencapai 77.2 peratus pada tahun 2020. Peningkatan dalam jumlah penduduk bandar ini telah meningkatkan permintaan terhadap kemudahan infrastruktur, perumahan, pendidikan dan kesihatan di bandar.

Justeru, bagi mewujudkan bandar yang cekap, berdensiti tinggi dan berdaya huni, pelan tindakan khusus akan disediakan untuk membangunkan bandar-bandar berdasarkan kelebihan daya saing masing-masing. Kerajaan akan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memastikan kesejahteraan rakyat dipelihara, menerusi pemakaian konsep keterangkuman dalam pelaksanaan dasar pembangunan spatial bagi merapatkan jurang perbezaan di antara wilayah, negeri, bandar dan luar bandar. Penyediaan pelan pembangunan spatial seperti Rancangan Fizikal Negara (RFN), Rancangan Struktur Negeri (RSN), Rancangan Tempatan Daerah (RTD) dan Pelan Tindakan Khas (PTK) memastikan bahawa pembangunan dilaksanakan berdasarkan kelebihan fizikal (geografi) dan keperluan penduduk setempat. Pelan pembangunan spatial yang komprehensif ini memastikan bahawa penduduk mendapat akses kepada semua kemudahan berkaitan seperti kesihatan, pendidikan, infrastruktur, pengangkutan dan sebagainya.

Penubuhan koridor ekonomi wilayah pula telah mempercepat pembangunan sosio-ekonomi wilayah. Di samping itu, penggubalan Dasar Perbandaran Negara (DPN) dan Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB) memastikan bahawa keperluan masyarakat bandar dan luar bandar diberi perhatian dan keutamaan yang sewajarnya.

Kejayaan ekonomi kita menyediakan peluang pekerjaan menyebabkan kadar pengangguran kekal rendah iaitu di bawah 4%. Kadar pengangguran bagi negara ini adalah stabil antara 3.1% pada tahun 2011 hingga 2.9% pada tahun 2014. Sungguhpun negara dianggap telah mencapai guna tenaga penuh, Kerajaan akan meneruskan usaha untuk membantu mereka yang menganggur untuk mendapat pekerjaan melalui JobsMalaysia di bawah Kementerian Sumber Manusia dan juga meningkatkan kualiti bakal tenaga kerja yang dikeluarkan oleh institusi latihan dan pendidikan melalui transformasi program dan institusi latihan dan pendidikan.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) seperti yang telah dibentangkan baru-baru ini, Kerajaan akan terus memberi keutamaan khususnya kepada masyarakat di bandar dan pinggir bandar, terutamanya dalam aspek peningkatan pendapatan, pengurangan kos sara hidup, pendidikan dan pengangkutan awam. Pembangunan tersebut akan mengambil kira enam prinsip untuk memastikan bandar utama di Malaysia menjadi tempat yang selesa untuk dihuni oleh penduduk bandar daripada pelbagai peringkat sosioekonomi, seperti berikut:

- Prinsip 1: Meningkatkan kepadatan ekonomi;
- Prinsip 2: Memperluas pembangunan berasaskan transit;
- Prinsip 3: Memperkuuh pembangunan kluster berasaskan pengetahuan;
- Prinsip 4: Meningkatkan daya huni;
- Prinsip 5: Menggalakkan pembangunan dan amalan hijau; dan
- Prinsip 6: Memastikan inklusiviti

Selain itu, rangkaian hubungan antara luar bandar dengan bandar akan diperkuuh untuk meningkatkan ketersambungan dan mobiliti bagi memupuk integrasi ekonomi. Sistem pengangkutan akan disepadukan bagi menyediakan ketersambungan yang lebih baik dan laluan bas yang menjimatkan kos akan dikenal pasti untuk meningkatkan mobiliti. Usaha ini membolehkan perusahaan luar bandar untuk memasarkan barang dan perkhidmatan ke kawasan pinggir dan pusat bandar. Sebagai contohnya, Pusat Transformasi Bandar (UTC), Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan mini RTC yang berperanan sebagai konduit rangkaian hubungan bandar-luar bandar akan diperkuuhkan dengan memanfaatkan ICT.

Sekian, terima kasih.